Penguasaan Bahasa Melayu Pelajar Sekolah Menengah: Analisis Pengungkapan Idea Dalam Penulisan Karangan

Norsimah Mat Awal
Nadzrah Abu Bakar
Nor Hashimah Jalaluddin

Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Makalah ini membentangkan dapatan kajian mengenai penulisan karangan pelajar Melayu dan bukan Melayu tingkatan empat di sekolah menengah di Malaysia dengan memfokus pada wacana penulisan mereka. Secara khususnya makalah ini melihat penggunaan ungkapan menarik dalam penulisan mereka. Ungkapan menarik yang dimaksudkan ialah penggunaan peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, kosa kata yang cantik maksud, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain. Kajian dijalankan di lima kawasan iaitu Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak dan melibatkan lima belas buah sekolah (tiga sekolah di setiap kawasan). Secara keseluruhannya, dapatan umum kajian mendapati pencapaian para pelajar ini secara majoritinya adalah di tahap sederhana iaitu kira-kira 62%. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa majoriti pelajar ini perlu mempertingkatkan penguasaan bahasa Melayu yang menjadi lingua franca antara kaum di Malaysia. Usaha ini perlu untuk mencapai kesejahteraan masyarakat kerana bahasa adalah salah satu jambatan untuk mengikat hubungan yang baik antara pelbagai kaum di Malaysia.

Abstract

This article presents the findings of a research on essay writing of Form Four Malay and non-Malay students in secondary schools in Malaysia by focussing on their writing discourse. Specifically, this article focuses on the usage of interesting expressions in their writings. Interesting expressions can be defined as the usage of proverbs, *pantun*, slogans, interesting phrases, quotations, sayings from the Prophet, sayings from the Quran and etc. The research was conducted in five regions namely; Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Sabah and Sarawak (three schools in every region). In general, the findings show that majority of the students (62%) are at the intermediate level. Therefore, these students need to further improve their proficiency in bahasa Melayu as it is the *lingua franca* between various races in Malaysia. This endeavour is pertinent towards achieving a harmonious society as language serves as the link for good relations among the various races in Malaysia.

Pendahuluan

Melalui Akta Pelajaran 1961, bahasa Melayu telah diwartakan sebagai bahasa pengantar ilmu dan juga sebagai mata pelajaran wajib di peringkat rendah dan menengah. Oleh yang demikian, mata pelajaran bahasa Melayu diajar selama sebelas tahun dalam sistem pendidikan formal di Malaysia. Jangka masa pemelajaran yang panjang tersebut seharusnya mampu melahirkan pelajar yang dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik. Namun begitu, keputusan dan pencapaian pelajar dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dalam sepuluh tahun kebelakangan mendapati antara 10% hingga 12% pelajar telah gagal subjek bahasa Melayu (Nor Hashimah Jalaluddin et.al 2009). Angka kegagalan yang agak tinggi ini mengundang persoalan wajarkah situasi berlaku memandangkan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia telah melalui pemelajaran bahasa Melayu secara formal selama sebelas tahun. Oleh yang demikian makalah ini akan mencungkil dan memaparkan hasil kajian yang telah kami jalankan tentang penguasaan bahasa Melayu di kalangan pelajar tingkatan empat. Secara khususnya, kami akan memaparkan dapatan mengenai kemahiran menulis pelajar tingkatan 4.

Penguasaan bahasa mengikut takrifan Awang Sariyan (2000) adalah penguasaan satu sistem komunikasi yang tercermin di dalamnya akal budi dan pemikiran masyarakat itu. Jelas di sini kebolehan menguasai bahasa melibatkan kemahiran yang saling berintegrasi kerana ianya bukan hanya melibatkan kemahiran reseptif (mendengar & membaca) tetapi juga kemahiran produktif (bertutur & menulis). Dengan memfokus pada kemahiran menulis, ia akan mencerminkan pemikiran penulisnya. Makalah ini akan memfokus pada salah satu kemahiran berbahasa iaitu kemahiran menulis.

Kemahiran Penulisan Bahasa Melayu

Dalam kemahiran menulis, ianya bersifat lebih standard dan formal berbanding dengan bahasa lisan (Abdul Aziz Abdul Talib, 1991). Lazimnya, sesuatu penulisan itu didahului dengan pengenalan diikuti dengan kupasan isi dan diakhiri dengan kesimpulan. Di samping itu, untuk menghasilkan penulisan yang efektif, penguasaan sistem bahasa sangatlah dipentingkan, kerana lazimnya bahasa tulisan perlu lebih teratur daripada bahasa lisan. Dalam penulisan, pembaca tidak dapat melihat bahasa badan kita seperti dalam bahasa lisan, tetapi sebaliknya memfokuskan sepenuhnya terhadap pernyataan maklumat dan mesej yang lengkap dan menggunakan bahasa yang teratur.

Bagi meningkatkan kemahiran menulis, pelajar tidak perlu bergantung sepenuhnya terhadap pembelajaran bahasa di dalam kelas, tetapi boleh meningkatkan kemahiran menulis melalui pembacaan. Sekiranya seseorang pelajar ingin menjadi seorang penulis yang baik, maka mereka perlu banyak membaca berbagai bentuk penulisan seperti buku teks, novel, cerpen, akhbar, majalah dan lain-lain bahan bacaan. Dengan ini, bukan sahaja menambahkan pengetahuan kepada pelajar tersebut, malah mereka boleh

memperbaiki gaya bahasa dalam penulisan karangan. Melalui pembacaan, pelajar boleh mengambil kosa kata dan ungkapan yang menarik yang ditemui dan seterusnya menerapkannya di dalam karangan mereka. Penggunaan kata-kata berbentuk bombastik di samping ungkapan yang menarik, mampu menimbulkan nilai keindahan dalam sesuatu karangan tersebut.

Pengimplementasian kalimat yang berseni dalam karangan akan mewujudkan satu gaya bahasa yang indah dan seterusnya menjadikan sesuatu penulisan itu lebih efektif. Antara ungkapan menarik yang boleh digunakan dalam penulisan ialah peribahasa. Peribahasa boleh digunakan dalam apa jua bentuk penulisan karangan. Peribahasa merupakan alat komunikasi yang digunakan dalam masyarakat Melayu tradisional. Dengan penuh kesantunan dan kesopanan, orang Melayu akan menyampaikan pandangan mereka secara berkias iaitu dengan berperibahasa (Azizul Rahman & Mohamad Saleeh, 2009). Tujuannya adalah untuk menjaga hati dan kedudukan terhadap orang yang ditegur. Dalam dunia penulisan pula, menyelitkan peribahasa dalam sesebuah karangan bukanlah bertujuan menegur seseorang atau sesuatu pihak, tetapi digunakan bagi tujuan menggambarkan sesuatu keadaan, sama ada digunakan untuk memuji, menggambarkan sifat manusia atau menyampaikan pesanan (Azizul Rahman & Mohamad Saleeh, 2009).

Dalam menghasilkan sebuah karangan yang bermutu, pelajar bukan sahaja perlu memberikan perhatian mereka terhadap penyampaian isi dan penguasaan tatabahasa, tetapi mereka perlu mementingkan soal pemilihan leksikal dalam karangan mereka (Awang Sariyan, 2004). Hal ini kerana, pengulangan sesuatu leksikal yang sama dalam sesuatu penulisan boleh menjejaskan kualiti penulisan tersebut serta melahirkan rasa bosan terhadap pembaca.

Pemerolehan Bahasa Pertama Dan Kedua

Terdapat dua teori utama yang membincangkan bagaimana manusia memperoleh bahasa. Teori pertama mempertahankan bahawa bahasa diperoleh manusia secara alamiah atau dinuranikan. Teori ini juga dikenali sebagai Hipotesis Nurani dalam linguistik. Teori yang kedua mempertahankan bahawa bahasa diperoleh manusia secara dipelajari.

Dua faktor utama yang sering dikaitkan dengan pemerolehan bahasa ialah faktor *nurture* dan faktor *nature*. Hal ini ditegaskan oleh Mangantar Simanjuntak (1987) yang mendakwa bahawa pemerolehan bahasa itu dikaitkan dengan penguasaan sesuatu bahasa tanpa disedari atau dipelajari secara langsung iaitu tanpa melalui pendidikan secara formal untuk mempelajarinya, sebaliknya memperolehnya dari bahasa yang dituturkan oleh ahli masyarakat di sekitarnya. Beliau seterusnya menegaskan bahawa kajian tentang pemerolehan bahasa sangat penting terutamanya dalam bidang pengajaran bahasa. Pengetahuan yang cukup tentang proses dan

hakikat pemerolehan bahasa boleh membantu bahkan menentukan kejayaan dalam bidang pengajaran bahasa.

Mengikut Piaget pula, semua kanak-kanak sejak lahir telah dilengkapi dengan alat nurani yang berbentuk mekanikal umum untuk semua kebolehan manusia termasuklah kebolehan berbahasa. Alat mekanisme kognitif yang bersifat umum inilah digunakan untuk menguasai segala-galanya termasuklah bahasa. Bagi Chomsky dan Miller pula, alat yang khusus ini dikenali sebagai *Language Acquisition Device* (LAD) yang fungsinya sama seperti yang pernah dikemukakan oleh Lenneberg yang dikenali sebagai "*Innate Prospensity for Language*". LAD dikatakan telah dimiliki oleh setiap anak secara semula jadi dan dengan alat nurani ini akan membolehkan kanak-kanak mampu memperoleh bahasa ibundanya dengan mudah dan cepat (Tay Meng Guat, 2006).

Pemerolehan bahasa kanak-kanak dikatakan mempunyai ciri kesinambungan, memiliki suatu rangkaian kesatuan, yang bergerak dari ucapan satu kata sederhana menuju gabungan kata yang lebih rumit. Ringkasnya, proses pemerolehan bahasa berlaku mengikut urutan jadual semulajadi yang berkait rapat dengan proses kematangan kanak-kanak itu (Zaitul Azma, 2008).

Seiring dengan situasi terkini, terutamanya di Malaysia, kemahiran dan penguasaan lebih daripada satu bahasa sangat penting dan perlu untuk bersaing dalam dunia pekerjaan. Walaupun di Malaysia apabila membincangkan aspek kemahiran bahasa kedua ianya sering tertumpu kemahiran dalam bahasa Inggeris, namun kami merasakan perbincangan mengenai kemahiran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua juga perlu dititikberatkan. Ini kerana dalam negara yang berbilang kaum seperti Malaysia, bahasa Melayu penting sebagai *lingua franca* dan juga sebagai bahasa perpaduan. Oleh itu, perhatian perlu diberikan pada pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa pertama dan bahasa kedua.

Bahasa pertama ialah bahasa yang diperoleh oleh seseorang secara semulajadi sedari kecil lagi. Bahasa pertama terdiri daripada bahasa ibunda atau bahasa lain yang diperoleh hasil pendedahan daripada bahasa yang dituturkan oleh ahli keluarga dan bahasa dalam persekitaran komuniti seseorang kanak-kanak tersebut. Dalam erti kata lain, penguasaan bahasa pertama, berlaku secara semulajadi sejak kecil lagi. Pada tahap itu, bahasa yang dipelajari adalah tidak formal. Seseorang kanak-kanak memperoleh bahasa bahasa pertamanya melalui pendengaran, pengamatan dan peniruan daripada bahasa yang wujud dalam keluarga dan kehidupannya (Zaitul Azma, 2008).

Sementara itu, bahasa kedua pula terpaksa dipelajari dan hanya berkembang melalui latihan dan pengukuhan serta rancangan dan kaedah tertentu. Bukan itu sahaja yang berlaku, dalam mempelajari bahasa kedua perlu ada dorongan dan sikap yang sihat untuk dapat belajar dengan

berkesan. Dorongan dan sikap yang sihat ini menjadi faktor sosial dan budaya (Abdullah Hassan 2009; Norsimah Mat Awal et.al (a), 2009).

Namun begitu, menurut Steinberg (1982), tidak semua pengajaran bahasa kedua diperolehi dalam pengajaran bilik darjah. Bahasa kedua juga boleh dipelajari secara semulajadi. Misalnya seorang kanak-kanak yang dibawa tinggal di negara asing boleh mempelajari bahasa kedua tanpa melalui pengajaran formal tetapi cuma berdamping rapat dengan penutur-penutur bahasa asing seperti rakan sebaya dan penghuni di tempat tinggalnya. Oleh itu, beliau menegaskan bahawa bahasa kedua boleh dipelajari melalui keadaan semula jadi atau dalam keadaan terancang (dalam bilik darjah). Kesimpulannya, walau apa pun kaedah pembelajaran yang digunakan untuk pembelajaran bahasa kedua beberapa unsur perlu ada untuk memastikan kejayaannya iaitu motif, keupayaan, sikap, peluang dan lingkungan (Abdullah Hassan 2009; Zamri Mahmood 2007).

Komponen Penulisan Dalam Peperiksaan Spm

Subjek bahasa Melayu dalam peperiksaan SPM adalah satu subjek wajib. Sebagai subjek bahasa, penilaian subjek ini terdiri daripada dua komponen iaitu Kertas 1 dan Kertas 2. Kertas 1 adalah berbentuk subjektif dan bertumpu khas pada aspek penulisan dan juga terdiri daripada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A mempunyai 1 soalan karangan berpandukan rangsangan, manakala Bahagian B memberikan 5 soalan karangan umum dan pelajar dikehendaki memilih satu soalan sahaja. Kertas 2 pula terdiri daripada 4 soalan yang meliputi aspek rumusan, pemahaman, pengetahuan dan kefahaman tentang tatabahasa bahasa Melayu dan KOMSAS. Walau bagaimanapun, makalah ini akan memfokus pada Bahagian A, Kertas 1iaitu penulisan berasaskan rangsangan.

Mengikut sukatan pelajaran bahasa Melayu, terdapat tujuh jenis bahan rangsangan untuk penulisan berasaskan rangsangan iaitu gambar, gambar rajah, ilustrasi kartun, pelan, iklan, petikan dan catatan. Aktiviti penulisan berasaskan rangsangan ini bertujuan untuk menguji pemahaman para pelajar terhadap bahan rangsangan berkenaan secara keseluruhan, menguji kecekapan mereka membuat tafsiran dan analisis dari bahan rangsangan tersebut dan akhir sekali menguji pengetahuan pelajar tentang isu semasa. Jika diteliti tujuan aktiviti penulisan berasaskan rangsangan ini, ada usaha untuk mempelbagaikan kemahiran yang ditekankan. Ini selari dengan pandangan semasa yang melihat literasi merentasi kemahiran membaca dan menulis apabila pelajar dikehendaki mengaitkan rangsangan yang diberikan dengan isu semasa (Norsimah Mat Awal et.al (b) 2009). (soalan penulisan berasaskan rangsangan diberikan dalam Lampiran 1)

Responden Dan Kaedah Kajian

Kajian ini melibatkan seramai 1523 pelajar tingkatan empat dari lima kawasan atau zon di Malaysia iaitu Kedah, Kelantan Negeri Sembilan, Sabah dan

Sarawak. Oleh kerana kajian ini meneliti kemahiran dan keupayaan pelajar menulis, para responden dikehendaki diberikan tugasan menulis karangan berasaskan rangsangan. Bahan rangsangan yang kami berikan ialah satu set gambar bersiri yang terdiri empat gambar yang menunjukkan kegiatan masa lapang. Berdasarkan gambar-gambar yang diberi, pelajar dikehendaki menghuraikan tentang aktiviti-aktiviti berfaedah untuk mengisi masa lapang.

Selepas itu pula, kesemua esei tersebut telah diperiksa dengan teliti oleh guru-guru yang berpengalaman memeriksa kertas peperiksaan SPM. Pemeriksaan esei tersebut adalah berdasarkan skema penilaian SPM yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Menurut skema pemarkahan bagi karangan berasaskan rangsangan, karangan yang baik mesti mempunyai syarat-syarat yang telah ditetapkan iaitu memenuhi dan menepati kehendak soalan, mempunyai isi-isi penting yang cukup, idea yang relevan dan tersusun, menggunakan bahasa yang gramatis dan bervariasi, kosa kata yang luas dan tepat, menggunakan ejaan dan tanda baca yang betul, dan menggunakan wacana yang lengkap dan ungkapan yang menarik. Penulisan pelajar-pelajar telah dinilai dan dibahagikan kepada beberapa bahagian berpandukan skema pemarkahan yang telah ditetapkan bagi memahami kaitan tahap pencapaian penulisan pelajar dengan kesalahan yang dibuat.

Untuk melihat pencapaian pelajar secara am, penilaian penulisan telah dinilai bersandarkan skema penilaian di peringkat SPM; Cemerlang (26-30 markah), Kepujian (20-25 markah), Memuaskan (15–19 markah), Kurang Memuaskan (10-14 markah) dan Pencapaian Minimum (01-09 markah). Walaubagaimana pun, bagi tujuan analisis, markah penulisan ini telah dirombakkan ke tiga tahap; iaitu Cemerlang (20 – 30), Sederhana (15- 19) dan Lemah (1-14), bagi memudahkan penganalisian dan perbincangan. Ini dilakukan kerana kami ingin memfokus pada 3 tahap pelajar sahaja iaitu cemerlang, sederhana dan lemah.

Di samping itu, para pelajar juga telah diberikan satu set soal-selidik yang mengandungi soalan-soalan mengenai pesepsi mereka terhadap bahasa Melayu, strategi pembelajaran yang mereka gunakan untuk mempelajari bahasa Melayu dan juga soalan yang berkaitan pendirian dan pemahaman mereka terhadap komponen sastera dalam pembelajaran bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, kertas kerja ini hanya akan memfokuskan pada maklumat mengenai pencapaian mereka dalam penulisan khususnya penggunaan ungkapan menarik dalam penulisan pelajar Melayu dan bukan Melayu dan kami akan cuba mengaitkannya dengan pesepsi pelajar terhadap bahasa Melayu.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dalam bahagian dapatan dan perbincangan ini, paparan data akan menunjukkan pencapaian dari semua kaum iaitu pelajar Melayu, Cina, India, Kadazan dan Iban dan lain lain .Nyatakan pecahan peratusan setiap satu


Penelitian hanya tertumpu pada 5 suku kaum ini kerana bilangan pelajar dari kaum-kaum yang lain amat rendah dan oleh itu tidak menunjukkan pencapaian sebenar. Dalam kajian ini, pencapaian pelajar dalam kemahiran menulis dilihat dari aspek-aspek berikut:

i. Kesalahan ejaan
ii. Struktur ayat dalam esei
iii. Penggunaan dialek
iv. Kejelasan idea
v. Kematangan idea
vi. Kerelevanan idea
vii. Ungkapan menarik

Jika diteliti aspek (i) dan (ii) adalah berkaitan dengan mekanik penulisan, sementara (iii) pula mengenai pengaruh dialek dalam penulisan. Aspek (iv), (v) dan (vi) pula berkaitan dengan penyampaian idea. Ketiga-tiga aspek ini agak subjektif dan penelitiannya dilihat secara holistik. Manakala aspek yang terakhir iaitu ungkapan menarik pula boleh dikenalpasti bentuknya seperti peribahasa, hadis, cogan kata, kata-kata orang ternama, pantun dan lain-lain lagi. Mengikut skema pemarkahan yang digunakan, penggunaan ungkapan-ungkapan menarik dalam karangan adalah salah satu penanda yang menunjukkan karangan tersebut boleh dikategorikan sebagai cemerlang. Oleh itu kertas kerja ini akan memfokus dan meneliti pada aspek ungkapan menarik.

Secara keseluruhan, pencapaian pelajar dalam kemahiran menulis adalah di tahap sederhana. Untuk kesemua kaum, lebih dari 55% pelajar adalah dalam kategori sederhana. Ini dipaparkan dalam jadual 6.1:

Jadual 6.1 Pencapaian Keseluruhan Penulisan



	Melayu	Cina	India	Iban	Kadazan	Lain-lain
Cemerlang	30.3%	18.2%	14.8%	9.1%	26.7%	21.5%
Sederhana	57.5%	59.7%	59.3%	83.3%	60.0%	70.2%
Lemah	8.0%	22.0%	25.9%	7.6%	13.3%	8.3%


Jadual 6.1 menunjukkan pelajar Melayu mendapat peratusan tertinggi dalam kategori cemerlang iaitu 30.3% diikuti dengan pelajar Kadazan, Cina, India dan Iban. Walau bagaimanapun, apabila dilihat pencapaian penulisan secara keseluruhan hampir 62% dari pelajar berada dalam kategori sederhana. Jika

dirujuk pada penerangan dalam skema pemarkahan, pelajar yang sederhana menepati atau masih menepati tema, bahasa yang digunakan masih lagi gramatis dan bervariasi, memberikan idea yang relevan atau masih relevan tetapi tidak menggunakan ungkapan yang menarik dalam penulisan mereka. Ketiadaan ungkapan menarik dalam karangan meletakkan kebanyakan pelajar ini di tahap sederhana. Ungkapan menarik adalah seperti peribahasa, cogan kata, hadis, pantun dan lain-lain lagi dan pemahamannya memerlukan persekitaran yang kaya. Ini mungkin salah satu sebab mengapa pelajar Melayu adalah yang terbanyak dalam kategori cemerlang; mungkin persekitaran mereka yang membantu dalam penggunaan ungkapan menarik dalam penulisan karangan mereka. Oleh yang demikian, bahagian seterusnya akan membincang mengenai penggunaan ungkapan menarik dalam penulisan karangan.

Ungkapan Menarik Dalam Karangan

Seperti yang telah diterangkan sebelum ini, bentuk bahasa yang dikategorikan sebagai ungkapan menarik ialah peribahasa, pantun, cogan kata, petikan ucapan, frasa menarik, kata-kata hikmat, petikan hadis, kosa kata yang cantik, maksud Al-Quran dan lain-lain. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini menunjukkan tidak ada penggunaan petikan ucapan, petikan hadis, maksud Al-Quran dalam mana-mana karangan walau pun dalam karangan pelajar Melayu. Berikut adalah paparan keseluruhan penggunaan ungkapan menarik antara kaum:

Jadual 6.2: Ungkapan Menarik dalam Esei Mengikut Suku/Kaum




	Melayu	Cina	India	Iban	Kadazan	Lain-lain
Tiada	62.4%	63.6%	68.5%	97.0%	73.3%	74.9%
Ada	33.5%	23.4%	24.1%	3.0%	23.3%	23.6%
999	4.1%	13.0%	7.4%	0.0%	3.3%	1.5%

Jadual 6.2 jelas menunjukkan penggunaan ungkapan menarik bagi semua kaum adalah di tahap rendah iaitu hanya 28.4% pelajar yang menggunakan ungkapan menarik dalam penulisan mereka. Seperti yang diterangkan sebelum ini, penggunaan ungkapan menarik adalah salah satu ciri yang membezakan penulisan cemerlang dari penulisan tahap sederhana.

Berdasarkan bentuk-bentuk linguistik yang telah dikenal pasti sebagai ungkapan menarik, penggunaannya memerlukan tahap kognisi yang tinggi, persekitaran yang kaya dan juga pembacaan yang luas. Sebagai contoh, pemilihan peribahasa perlulah bersesuaian dengan topik karangan. Ini dapat dilihat dari sebahagian karangan pelajar, mereka menggunakan peribahasa tetapi tidak bersesuaian dengan tajuk karangan. Contoh-contoh ungkapan menarik akan dibincangkan di bahagian seterusnya.

Berikut adalah paparan penggunaan ungkapan menarik berdasarkan aliran pengkhususan mereka:

Jadual 6.3: Pencapaian Pelajar Mengikut Aliran Kelas dan Suku/Kaum



	Sains		Akaun		Sastera		Teknikal		Lain-lain	
	Tiada	Ada	Tiada	Ada	Tiada	Ada	Tiada	Ada	Tiada	Ada
Melayu	62.6%	37.4%	70.8%	29.2%	71.8%	28.2%	62.9%	37.1%	70.4%	29.5%
Cina	83.1%	17.0%	65.4%	34.6%	96.4%	3.6%	100.0%	0.0%	46.7%	53.3%
India	82.5%	17.5%	60.0%	40.0%	57.1%	42.9%	50.0%	50.0%	0.0%	0.0%
Iban	91.7%	8.3%	100.0%	0.0%	100.0%	0.0%	0.0%	0.0%	100.0%	0.0%
Kadazan	72.2%	27.8%	0.0%	0.0%	83.3%	16.7%	0.0%	0.0%	83.4%	16.7%
Lain-lain	69.6%	30.4%	87.0%	13.0%	75.9%	23.5%	50.0%	50.0%	87.0%	13.0%

Jadual 6.3 menunjukkan peratusan pencapaian pelajar di aliran sains dari semua kaum adalah lebih baik berbanding pelajar dari aliran-aliran lain. Ini diikuti oleh pelajar dari aliran teknikal, akaun dan sastera. Pencapaian yang sedemikian adalah tidak menghairankan kerana pelajar dari aliran sains adalah pelajar yang mendapat keputusan cemerlang dalam Peperiksaan Menengah Rendah (PMR). Bahagian berikut pula ialah contoh-contoh ungkapan menarik yang digunakan oleh pelajar.

Penggunaan Ungkapan Menarik

Tajuk tugasan karangan yang diberikan dalam kajian ini adalah berdasarkan rangsangan yang terdiri daripada 4 gambar yang bertajuk 'Aktiviti Masa Lapang'. Keempat-empat gambar bersiri tersebut memaparkan satu keluarga yang sedang berkelah di tepi pantai, diikuti dengan gambar satu kumpulan remaja yang menyertai aktiviti perkhemahan. Gambar ketiga pula ialah sekumpulan orang melakukan aktiviti riadah di padang dan gambar akhir sekali memaparkan aktiviti membaca sebagai mengisi masa lapang (gambar-gambar ini terdapat dalam Lampiran 1). Pelajar dikehendaki memberikan

pendapat mereka tentang aktiviti-aktiviti berfaedah untuk mengisi masa lapang.

Pelajar Melayu, seperti yang dijangkakan, menggunakan ungkapan menarik yang bervariasi yang terdiri dari peribahasa, simpulan bahasa, pepatah, ungkapan semasa dan sebagainya. Antara contoh ungkapan menarik yang digunakan ialah 'masa itu emas' bagi menerangkan betapa pentingnya mengisi masa lapang dengan aktiviti berfaedah. Berikut adalah contoh penulisan pelajar:

> *Aktiviti masa lapang boleh mendapat faedah yang banyak kepada kita. Dengan aktiviti ini masa lapang kita tidak terbuang begitu sahaja tanpa membuat apa-apa pekerjaan yang berfaedah. Dengan masa terluang juga kita seharusnya menggunakan masa dengan lebih efisyen, bak kata pepatah 'masa itu emas'.*

Terdapat juga ungkapan semasa yang menunjukkan pelajar peka dengan keadaan semasa seperti 'membina modal insan kelas pertama' (kajian dijalankan semasa Tun Abdullah Ahmad Badawi masih lagi menjadi Perdana Menteri dan beliau mengetengahkan usaha 'membina modal insan kelas pertama'). Selain itu, terdapat juga kosa kata yang menarik seperti era globalisasi/ arus globalisasi membina jati diri, dan vandalisme. Berikut adalah contoh-contoh karangan pelajar yang menggunakan ungkapan-ungkapan menarik tersebut:

> *Kesimpulannya, masa terluang dapat diisi dengan perkara-perkara berfaedah dan tidak terbuang begitu sahaja. Justeru itu, pelajar yang berwawasan dapat dilahirkan serta membina modal insan kelas pertama yang akan memimpin negara kelak.*
>
> *Sebagaimana yang kita ketahui, pada zaman era globalisasi ini pelajar sering dikaitkan dengan masalah-masalah yang negatif seperti mencuri, tidak menghormati guru atau ibu bapa sendiri, ponteng kelas belajar dan sebagainya. Hal ini dapat membantu para pelajar supaya lebih berdisiplin dan berfikiran secara matang. Oleh itu, para pelajar tidak akan terjebak dalam aktiviti yang negatif tersebut.*
>
> *Dalam menongkah arus globalisasi ini, pelbagai aktiviti berfaedah dapat digunakan untuk mengisi masa lapang. Namun, menusia tidak dapat mengelakkan diri dari terjerumus dengan pekara-*

pekara yang tidak berfaedah akibat lahirnya zaman hanoteklogi (sic.)

Perkhemahan juga merupakan aktiviti yang boleh dilakukan untuk mengisi masa lapang. Antara tempat yang menjadi tumpuan untuk aktiviti perkhemahan adalah seperti di Gunung Jerai dan Gua Nelam.empat yang menjadi tumpuan untuk aktiviti perkhemahan adalah seperti di Gunung Jerai dan Gua Nelam. Berkhemah dapat meningkatkan ketahanan fizikal dan membina jati diri. Setiap orang yang melakukan perkhemahan dapat belajar hidup berdikari seperti membasuh pakaian dan memasak.

Dewasa kini, remaja sering dikaitkan dengan masalah disiplin. Banyak remaja yang melakukan kesalahan seperti vandalisme, merokok, merempit dan sebagainya. Mereka saling menghabiskan masa dengan melakukan perkara yang tidak berfaedah ini. Ini telah menyebabkan sesetengah pihak menganggap remaja kini tidak bermoral. Sebagai remaja yang berpelajaran kita mestilah bijak mengisi masa lapang dengan melakukan aktiviti yang berfaedah.

Dapat disimpulkan di sini bahawa pelajar Melayu menggunakan ungkapan menarik yang bervariasi iaitu bukan sahaja peribahasa atau simpulan bahasa, perumpamaan, bidalan yang terdapat dalam buku teks tingkatan 4 tetapi mereka juga menggunakan ungkapan semasa yang berkaitan dengan topik tugasan mereka.

Bagi pelajar Cina, India, Iban dan Kadazan pula, ungkapan menarik yang mereka gunakan lebih cenderung menggunakan simpulan bahasa, peribahasa dan perumpamaan yang mungkin ada tersenarai dalam buku teks. Berikut adalah contoh-contoh penggunaan ungkapan menarik oleh pelajar-pelajar Cina, India, Iban dan Kadazan:

Pelajar Cina

Amalan membaca merupakan satu amalan yang amat disanjungi dalam kalangan masyarakat. membaca boleh menambahkan ilmu pengetahuan kita yang boleh dikaitkan dengan membaca itu jambatan ilmu. Membaca dapat mengisi masa lapang kita dan juga mempertajamkan minda kita.

Pelajar India

Aktiviti berfaedah yang boleh dilakukan juga ialah dengan membaca. Kita boleh membaca surat khabar, novel, majalah dan sebagainya dapat mengisi masa lapang dengan aktiviti berfaedah. Hal ini kerana ia dapat mengetahui isu-isu semasa yang berlaku jika kita membaca surat khabar. Apabila kita membaca, kita dapat mengelakkan daripada menjadi seperti 'katak di bawah tempurung'. Selain itu, apabila kita melakukan perkara yang berfaedah, kita tidak mudah terpengaruh dengan rakan yang tidak bermoral.

Pelajar Iban

Konklusinya, masa lapang harus diisi dengan aktiviti berfaedah untuk mendatangkan kebaikan kepada kita sendiri. 'Masa itu emas'. Masa jika tidak digunakan sebaik mungkin akan memakan diri kita sendiri.

Pelajar Kadazan

Justeru itu, kita haruslah sentiasa memanfaatkan masa sebaik-baiknya dan mengisi masa lapang dengan perkara yang berfaedah. Jika kita membuang masa, kita akan ketinggalan dan kerugian benda yang berharga. Kita haruslah menggunakannya sejak kecil lagi hingga dewasa. Jika kita tidak memanfaatkannya sejak kecil, kita akan terpengaruh hinggalah dewasa. Bak kata pepatah 'melentur buluh biarlah dari rebungnya'.

Jelas dari paparan contoh-contoh di atas bahawa pelajar bukan penutur natif bahasa Melayu lebih cenderung menggunakan peribahasa atau simpulan bahasa yang dipelajari dalam kelas bahasa. Praktik yang sebegini mungkin disebabkan kurang kemampuan atau kecekapan berbahasa mereka atau pun mungkin mereka kurang terdedah pada ungkapan semasa yang releven dengan topik karangan.

Kesimpulan

Di dalam penulisan karangan, penggunaan bahasa yang bervariasi menunjukkan tahap kemampuan dan keupayaan berbahasa seseorang. Antara petunjuk akan kemahiran berbahasa seseorang ialah penggunaan ungkapan menarik dalam penulisan. Makalah ini telah membentang dapatan kajian mengenai keupayaan dan kemahiran menulis karangan bahasa Melayu pelajar tingkatan empat dari pelbagai kaum iaitu Melayu, Cina, India, Kadazan

dan Iban. Dapatan kajian mendapati pada keseluruhannya keupayaan penulisan para pelajar adalah di tahap sederhana. Dengan memfokus pada penggunaan ungkapan menarik, iaitu salah satu ciri dalam karangan yang cemerlang, kajian mendapati penggunaan ungkapan menarik dalam karangan pelajar Melayu lebih bervariasi berbanding pelajar-pelajar dari kaum lain. Memandangkan penggunaan ungkapan menarik adalah faktor yang menentukan karangan yang cemerlang, maka kami merasakan pelajar perlu menghayatinya untuk menghasilkan karangan yang cemerlang.

Rujukan

Abdul Aziz Abdul Talib. 1991. "Kemahiran Bercakap dan Kemahiran Menulis" dlm. *Pelita Bahasa* Mei (5), hlm:12-13. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdullah Hassan. Belajar Bahasa Kedua**.** http://bmp6103.blogspot.com**.** (Tarikh capaian: Februari 28, 2009)

Awang Sariyan. 2000. Warna dan Suasana Perangangan Bahasa Melayu di Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Awang Sariyan. 2004. *Tertib Mengarang: Asas Retorik untuk Pelajar dan Pendidik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Azizul Rahman & Mohamad Saleeh. 2009. *Bunga-bunga Bahasa untuk Penulisan*. Johor

Mengantar Simanjuntak. 1987. *Pengantar Psikolinguistik Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan & Mustaffa Omar. 2009. Bahasa Melayu dan Remaja Malaysia: analisis Sosiokognitif. Dlm. *Prosiding Seminar Kebangsaan Linguistik '09 (SKALi09*).

Norsimah Mat Awal, Nadzrah Abu Bakar & Nor Hashimah Jalaluddin(a). 2009. Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua: Pengungkapan idea dalam penulisan pelajar sekolah menengah di Malaysia. Dlm *Prosiding seminar Kebudayaan Indonesia Malaysia XI (SKIM XI).*

Norsimah Mat Awal, Nadzrah Abu Bakar & Nor Hashimah Jalaluddin (b). 2009. Penggunaan Bahasa Melayu dalam Penulisan Karangan Pelajar-pelajar Luar Bandar dan Bandar di Serawak: Satu Perbandingan. Dlm. *Prosiding Seminar Kebangsaan Linguistik '09 (SKALi09).* Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.

Steinberg D. Danny. 1990. *Psikolinguistik: Bahasa, Akal Budi, dan Dunia*.Azhar M. Simin (pent.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tay Meng Guat. 2006. Pemerolehan Bahasa Kanak-kanak: Satu Analisis Sintaksis. *Jurnal Penyelidikan IPBL.* Jilid 7: 2006. http:// www.ipbl.edu.my

Zaitul Azma Zainon Hamzah. 2008. Faedah Menguasai Bahasa Pertama. *Pelita Bahasa.* 2(20):10-12. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan